

DASAR BAR BERNIAGA

Bukan hak satu2 kaum saja: Dr. M

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh MORKAMARUL SHAHID

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya setiap perniagaan yang dijalankan di negara ini tidak lagi tertumpu kepada satu-satu kaum sahaja tetapi sebaliknya hendaklah disertai oleh semua kaum.

"Seberapa yang boleh cuba menubuhkan syarikat-syarikat yang disertai oleh semua kaum," katanya ketika berucap dalam pertemuan dengan pemimpin-pemimpin MIC di Ibu Pejabat MIC di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata, bidang perniagaan bukanlah hak untuk satu-satu kaum sahaja.

Katanya, beliau telahpun menasihatkan sebuah syarikat

kepunyaan 100 peratus Bumiputera di Kelantan baru-baru ini supaya menarik perhatian kaum-kaum lain menyertai syarikat tersebut.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata, langkah melibatkan semua kaum menyertai perniagaan usahasama itu akan dapat mengelakkan 'pilih kasih' dalam pembahagian lesen-lesen.

Ini juga adalah usaha untuk merapatkan semua kaum di negeri ini.

Katanya, Kerajaan ingin bersikap adil kepada semua kaum dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

"Tidak ada satu kaum yang boleh dapat semua apa yang mereka mahu. Kalau satu-satu kaum itu tidak mendapat apa yang mereka

mahu bermakna kaum lain juga tidak dapat apa yang mereka kehendaki itu," ujarnya.

Katanya, apa sahaja permintaan yang tidak dapat dituntaskan haruslah dipandang dari segi nasional dan tidak semata-mata berpandukan soal-soal yang kecil.

Bellau juga mencadangkan supaya ditubuhkan kelab-kelab antara kaum di negara ini untuk memupuk perpaduan yang lebih erat.

Katanya, kelab-kelab itu hendaklah ditubuhkan secara menyeluruh dan ahlinya terdiri dari semua kaum di mana mereka boleh bergaul mesra antara satu sama lain.

Bellau berkata, sebagai contoh, kelab-kelab tersebut boleh diterajui oleh pemimpin-pemimpin kerajaan di ibu-ibu negeri. Menteri Besar boleh menjadi Presidennya.

Perdana Menteri berkata, di kelab-kelab tersebut, semua kaum boleh berkumpul, berbual dan memahami antara satu sama lain ke arah mewujudkan satu masyarakat yang diingini.

Mengenal dasar menoleh ke Timur, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata setiap kaum akan diberi peluang dan tempat menyertai tiap rancangan yang diadakan.

Bellau memberi keyakinan, setiap kemahiran yang wujud tidak akan tertumpu kepada sesuatu kaum sahaja.

Ini akan dapat memperbaiki prestasi negara supaya apa yang diinginkan akan tercapai dalam masa beberapa singkatnya.

Bellau juga menafikan kejayaan MIC yang memenangi 100 peratus dalam pilihannya yang lalu sebagai sesuatu yang patut dibanggakan.

Bellau juga beryukur setiap peralihan fahaman yang wujud dalam Barisan Nasional dapat diselesaikan dengan perundingan.

No. Siri 2710
No. Penerimaan 535/RS